

# Gadis universiti takut bercinta

Risau langgar batasan pergaulan antara bukan mahram

## KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin  
Dr Sapora Sipon  
rencana@hmetro.com.my

**?** Saya mahasiswi universiti tempatan berusia 20 tahun dan mengalami masalah peribadi. Saya kini berperang dengan perasaan sendiri kerana mahu diri disayangi insan bernama kekasih.

Saya tidak pernah mengalami kemanisan bercinta dan kerana itu sering berasa kesepian. Jujurnya, saya tidaklah teruk dari segi paras rupa.

Sehingga kini, bukan tiada sesiapa yang ingin mendekati, namun hati ini takut untuk terjerumus dengan percintaan.

Saya merasakan sukar untuk mempercayai lelaki sekarang yang semakin kurang kejujuran dan kesetiaan.

Perasaan takut bercinta juga saya alami biarpun pada masa sama mahukannya. Saya takut jatuh cinta kerana risau melanggar batasan pergaulan antara bukan mahram dan ini akan me-

nambahkan dosa sedia ada. Dr, saya keliru dan bingung dengan kehendak hati ini. Pada pandangan Dr, apa yang perlu saya lakukan untuk mengatasi masalah kesepian ini?

### GADIS SEPL, Perlis

**!** Memang lumrah kehidupan manusia akan sentiasa mempunyai naluri untuk disayangi dan menyayangi. Perasaan adik ini tidak salah kerana keperluan ini sentiasa wujud apabila individu itu bergelar manusia.

Dalam al-Quran ada ayat yang menyatakan sesungguhnya manusia itu dijadikan Allah daripada pelbagai warna kulit dan keturunan supaya ia saling dapat mengenali dan berkenal-kenalan.

Oleh itu, tidak salah seseorang itu mempunyai keinginan untuk berkenalan dengan insan yang berlainan jantina kerana sememangnya Allah meletakkan perkara itu sebagai satu fitrah kehidupan kepada manusia.

Cuma perkara yang per-

lu diberi perhatian ialah adab bergaul. Hal ini ada diterangkan dalam buku Ihya Ulumudin mengenai cara muamalah yang betul mengikut Islam.

Cuba baca dan hayati isi kandungan yang terdapat di dalamnya dan adik akan mengetahui garis panduan dalam muamalah ini selari dengan panduan yang Islam tetapkan. Tidak perlu berasa takut pada sesuatu yang belum kita usahakan.

Dr memahami perasaan adik yang takut dengan ketidakjujuran dan kesetiaan lelaki pada hari ini. Tetapi, satu perkara yang adik perlu tahu ialah sifat keikhlasan dalam individu itu bergantung kepada sifat lelaki itu sendiri.

Biasanya adik akan dapat melihat kejujuran itu apabila adik mengenali lelaki terbabit. Sifat ini biasanya akan dapat dilihat sendiri dalam setiap perlakuannya. Apapun yang adik mahukan semuanya adalah daripada Allah.

Sentiasa berdoa supaya adik mendapat pasangan hidup yang boleh menjadi peneman susah dan senang. Ingat janji Allah bahawa le-

laki yang baik itu hanya untuk perempuan yang baik.

Namun, jika sebaliknya anggap ia sebagai dugaan Allah untuk menguji keimanan hamba-Nya. Jangan kita terlalu mendambakan kesempurnaan seseorang sehingga kita terleka dengan kekurangan yang ada. Terima kekurangan itu sebagai satu nikmat yang Allah berikan untuk setiap insan. Insya-Allah, jika dapat menerima kekurangan insan, adik mampu mendidik diri menjadi insan yang sentiasa bersyukur.

Untuk mengejar cinta, seseorang itu perlu memikirkan kesan dan akibatnya. Adik perlu bersedia untuk segala kemungkinan yang akan berlaku.

Pada pandangan Dr, usia adik masih muda

u n t u k

bercinta, tetapi jika cinta membuatkan adik boleh berjaya dan yakin mampu mengawal perasaan daripada melakukan perkara yang dilarang perhubungan maka teruskan. Kuasa cinta ada kalanya mampu membuatkan manusia itu berjaya dan bermotivasi.

Kesepian hati boleh diisi dengan perkara yang boleh membuatkan adik bahagia dan perkara itu hanya adik yang tahu.

Tidak semestinya jika adik bercinta akan sentiasa bahagia. Ia bergantung kepada keadaan. Disebabkan hal itu, Dr cadangkan adik perlu tahu kekuatan diri sebelum melakukan perkara yang diinginkan.

Nasihat Dr ialah adik fikirkan apa lebih penting untuk kehidupan adik pada

hari ini dan akan datang? Cuba ambil masa untuk fikirkan hal ini dan sentiasa minta pertolongan daripada Allah. Akan ada jalan yang menanti.

Apapun jua keputusan dan alasan yang dibuat berbalik kepada matlamat dan objektif hidup adik yang sebenar. Jangan biarkan visi kehidupan adik tenggelam bersama masa.

Pada masa sama cuba seimbangkan kehendak naluri adik supaya tidak berasa tertekan dengan hal kehidupan. Dr doakan adik tenang dan matang dalam melayari kehidupan sebagai pelajar dan paling penting jangan hilang fokus kepada pengajian. Jadilah insan yang bertindak dengan tenang dan berfikir dengan matang.



## Temannya lelaki jahil, tidak pernah solat

**?** Saya mempunyai masalah dalam percintaan. Saya sudah lama bercinta dan mengenali teman lelaki sejak di sekolah menengah. Cinta kami atas dasar suka sama suka dan dia lelaki yang baik termasuk keluarganya.

Hubungan kami menghadapi masalah kerana sejak dari kecil dia langsung tidak pernah solat dan tidak tahu bagaimana hendak solat.

Dia lebih tua sedikit daripada saya dan kini bekerja sebagai

anggota pertahanan awam. Saya berada dalam dilema dan kini bingung sama ada hendak meninggalkannya atau meneruskan hubungan ini.

Dia pernah memberitahu hidupnya tidak tenang jika

saya mengahwini orang lain. Saya juga tidak mengahwini jika sebelum kahwin dia tidak tahu bersolat. Pernah satu ketika saya ingin mengajarnya solat, tetapi dia menjawab dia akan solat selepas mengahwini saya. Saya sangat menyayanginya.

### DALAM DILEMA, Kuala Lumpur

**!** Dr amat memahami perasaan dan masalah yang membelenggu adik. Solat itu diibaratkan seperti tiang agama. Jika tiang itu roboh banyak perkara yang menjadi masalah.

Dalam perkahwinan, perkara ini perlu dipandang serius kerana ia memberi kesan kepada kebahagiaan suami isteri.

Tindakan adik menegur teman lelaki adik mengenai solat sangat dihargai. Bukan semua wanita berani menyentuh hal ini kerana ia membabitkan ego lela-

ki. Pandangan adik juga Dr hormati iaitu ingin teman lelaki belajar solat sebelum berkahwin.

Hal ini perlu adik bincangkan dengan teman lelaki dalam keadaan tenang dan tenteram. Umpamanya berbincang selepas keluar makan atau adik memujuk dengan memberi sebab-sebab rasional kepada teman lelaki apa yang adik inginkan.

Jangan terlalu memaksa dalam satu masa singkat kerana ia menyebabkan teman lelaki berasa tercabar dan ditakuti akan mengambil keputusan mengecewakan kedua-dua pihak.

Dr menasihatkan adik berbincang ketika dalam keadaan gembira dan tenang. Terangkan kenapa adik inginkan dia berbuat demikian kerana biasanya lelaki sentiasa menginginkan alasan yang logik dan diterima akal.

Ingatkan dia apabila ma-

suk waktu solat dan jangan sesekali berputus asa dengan halangan yang diterima. Sesungguhnya untuk membuat kebaikan itu sangat memerlukan kesabaran yang besar.

Namun, jika ia berhasil, adik adalah orang yang sangat bertuah kerana mengajak insan lain untuk taat kepada Allah.

Satu lagi cara yang dapat Dr cadangkan ialah sentiasa bercerita dengannya perkara yang sangat dituntut agama dan akibatnya jika tidak melaksanakan perkara terbabit.

Adik perlu banyak bersabar dalam menghadapi situasi ini kerana ia memakan tempoh sangat panjang.

Namun percayalah, setiap kesabaran itu pasti dibalas Allah kerana usaha adik bukan main-main. Sentiasa berdoa minta dilembutkan dan dibukakan hatinya untuk menunaikan solat kerana hanya Allah yang mampu membuka dan menyentuh

pintu hatinya.

Ikhlaslah niat adik melakukan semua ini dan Dr doakan semoga semuanya beroleh ketenangan diharapkan.

Usah mudah berputus asa dalam usaha melakukan kebaikan kerana di situ terselit seribu rahmat yang tidak mungkin kita dapat di mana-mana.

Jangan rasa gentar sekiranya orang yang ingin dibantu menolak hasrat adik kerana dia tidak tahu apa itu pahala. Bersabar dan terus bersabar kerana ganjaran untuk insan yang bersabar itu sangat besar nikmatnya.

Sentiasa berfikir positif dan yakin dengan setiap aturan yang ditetapkan. Moga adik mendapat kekuatan dan tabah dalam usaha ini dan semoga selamat mendirikan rumah tangga yang bahagia.

